

## Kuala Lumpur

**K**elonggaran dan pemansuhan beberapa prosedur operasi standard (SOP) dalam mengekang Covid-19 sempena Aidilfitri ini dilihat tepat pada masanya ketika negara beralih ke fasa endemik.

Pakar perubatan kesihatan awam Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, dari segi teknikal protokol yang dibentangkan Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin kelmarin sangat baik dan sesuai jika orang ramai mematuhi apa yang disarankan.

“Ia dapat membantu mencegah jangkitan Covid-19 pada masa akan datang serta memberi keselesaan dan kemudahan kepada orang ramai terutama SOP kelonggaran pemakaian pelitup muka di tempat terbuka dan tidak perlu imbas MySejahtera di tempat atau ketika memasuki premis.

“Begitu juga SOP perayaan Aidilfitri seperti mengunjungi rumah, melakukan ibadat atau majlis rumah terbuka.

“Bagi saya, kelonggaran ini tidak begitu memudaratkan kepada orang ramai jika mereka mematuhi apa yang ditetapkan,” katanya ketika dihubungi.

Paling penting katanya, orang ramai perlu sentiasa



ORANG ramai perlu sentiasa membuat penilaian risiko sendiri serta melaksanakan SOP bersesuaian dengan keadaan.

## KELONGGARAN SOP

# Tidak bawa mudarat

membuat penilaian risiko sendiri serta melaksanakan SOP bersesuaian dengan keadaan.

“Contohnya jika kita bergejala kita tidak hadir ke majlis atau sentiasa memakai pelitup muka. Jika perlu lakukan ujian kita buatlah.

“Jadi sebenarnya tanggungjawab ini semua sudah jatuh kepada masyarakat sendiri untuk kita sama-sama membantu mengekang jangkitan serta penularan Covid-19 ini seterusnya beralih ke fasa endemik se-

penuhnya,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Perubatan Kesihatan Awam Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Halimatus Sakdiah Minhat berkata, walaupun bersetuju dengan kelonggaran diumumkan itu, namun ia masih memerlukan pemantauan rapi dan penilaian semula.

“  
Tanggungjawab ini semua sudah jatuh kepada masyarakat sendiri  
Dr Zainal Ariffin

“Pada saya jika kes melonjak tinggi selepas musim perayaan ini, kerajaan perlu pertimbangkan penguatkuasaan semula terutama aspek pemakaian pelitup muka serta kuarantin yang dilonggarkan kerana ia perkara paling penting.

“Saya jangkakan sambutan raya ini sangat luar biasa selepas dua tahun ke-

kangan disebabkan pandemik, jadi mungkin ramai yang sakan beraya dan tidak mematuhi SOP.

“Jadi harapnya di samping ramai seronok beraya, kita semua perlu sedar potensi risiko penularan jangkitan dalam situasi tertentu.

“Ini kerana kejayaan pelaksanaan protokol baharu itu sememangnya bergantung sepenuhnya kepada kesedaran komuniti contohnya memakai pelitup muka di kawasan tertutup dan sesak,” katanya.